

UTUSAN
10/4/15

SPCA sokong Undang-Undang Kebajikan Haiwan

KUALA LUMPUR 10 April - Persatuan Pencegahan Penganiayaan Haiwan (SPCA) Selangor berharap Rang Undang-Undang Kebajikan Haiwan 2015 yang dibentang buat kali pertama di Dewan Rakyat semalam mendapat sokongan semua pihak.

Presidennya, Tan Sri Lee Lam Thye berkata, Akta Binatang 1953 perlu dipinda kerana hukuman yang diperuntukkan adalah ringan dan hanya merangkumi aspek kezaliman sehingga sesetengah

pihak bertindak agresif ke atas haiwan selain melakukan penganiayaan sama ada terhadap haiwan peliharaan mahupun yang liar.

“Langkah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani membawa rang undang-undang ke Parlimen sangat dinantikan kerana perbincangan mengenai kebajikan haiwan telah lama dibangkitkan iaitu sejak beberapa tahun lalu.

“Kita menyokong rang undang-undang ini. Ia tindakan positif dan

progresif kerana akta sedia ada sudah lapuk dan ketinggalan zaman,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Semalam, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menyatakan, hukuman dan denda lebih berat akan dikenakan terhadap mereka yang menganiaya serta mengabaikan haiwan di negara ini selepas Rang Undang-undang Kebajikan Haiwan 2015 diwartakan pada tahun ini.